

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)49

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

49. Apakah bantuan dan kebajikan yang diperolehi melalui pemilikan Kad Nelayan?
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan bilangan penerima kad ini bagi setiap bot nelayan, memandangkan kebanyakan bot mempunyai lebih daripada dua kru (awak-awak)?
 - (b) Apakah syarat dan proses permohonan Kad Nelayan bagi kru bot (awak-awak)?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

49. Nelayan yang mempunyai pemilikan Kad Pendaftaran Nelayan (KPN) layak memohon bantuan dan insentif seperti yang berikut:

(i) Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN);

- 1) Program ESHN adalah bantuan bulanan yang diberi kepada pemilik individu vesel perikanan dan pekerja warganegara Malaysia yang bekerja di atas vesel berlesen yang didaftarkan melalui

Jabatan Perikanan (DOF) Malaysia. Program ini bermula pada Jun 2008 iaitu pada kadar RM200.00 sebulan dan kini kadar bayaran adalah sebanyak RM300.00 sebulan. Objektif utama Program ESHN adalah bagi membantu golongan nelayan meringankan beban dalam menghadapi tekanan ekonomi disebabkan kenaikan kos sara hidup.

- a) Jumlah penerima ESHN di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi kelayakan April 2025 mengikut pecahan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) adalah seperti yang berikut:

Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)	Bilangan Penerima
Seberang Perai	1,067
Ujong Batu	16
Teluk Bahang	259
Pulau Pinang Selatan	848
Jumlah	2,190

- (ii) Skim Bantuan Bencana Alam Dan Kebajikan Nelayan;**

- 1) Skim ini bertujuan untuk melindungi nelayan daripada risiko yang tidak dilindungi di bawah perlindungan insurans nelayan berkelompok Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Objektif skim ini adalah memberi bantuan segera dalam bentuk kewangan atau barangan atau sebarang bentuk yang bersesuaian kepada nelayan yang terlibat dalam kemalangan atau bencana alam yang melibatkan kemusnahan atau kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa bagi meringankan beban mangsa dan juga keluarga.
- a) Jumlah penerima skim ini bagi tahun 2024 di Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan PNK adalah seperti yang berikut:

Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)	Bilangan Penerima
Seberang Perai	31
Ujong Batu	2
Teluk Bahang	3
Pulau Pinang Selatan	16
Jumlah	52

(iii) Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan;

- 1) Skop pelaksanaan program ini adalah projek-projek agromakanan meliputi tanaman, komoditi bernilai tinggi, ternakan veterinar, ternakan akuakultur, hasil-hasil perikanan, industri makanan dan asas tani serta projek yang bukan berbentuk agromakanan sepenuhnya iaitu agropelancongan.
 - a) Jumlah penerima program ini bagi tahun 2024 di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan PNK adalah seperti yang berikut:

Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)	Bilangan Penerima
Teluk Bahang	1
Pulau Pinang Selatan	6
Jumlah	7

(iv) Program Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan (*Touch Point*); dan

- 1) Program bantuan ini adalah bertujuan untuk membantu kumpulan sasar khususnya nelayan

golongan B40 melalui pemberian peralatan penangkapan ikan.

- a) Jumlah penerima program ini bagi tahun 2024 di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan PNK adalah seperti yang berikut:

Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)	Bilangan Penerima
Seberang Perai	160
Ujong Batu	5
Teluk Bahang	15
Pulau Pinang Selatan	52
Jumlah	232

(v) Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN)

- 1) PKPN merupakan usaha Kerajaan Persekutuan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah dengan membaik pulih rumah, membina rumah baharu dan mewujudkan penempatan semula nelayan dengan prasarana

asas supaya golongan nelayan menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.

- a) Jumlah penerima projek ini bagi tahun 2024 di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan PNK adalah seperti yang berikut:

Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)	Bilangan Penerima
Seberang Perai	10
Teluk Bahang	3
Pulau Pinang Selatan	3
Jumlah	16

- (a) Pemohon yang layak untuk menerima KPN adalah bergantung kepada ketetapan yang dibuat oleh pihak DOF Malaysia berdasarkan bilangan nelayan yang mengoperasikan sampan. DOF Malaysia telah menetapkan dasar bahawa sebuah sampan berlesen hanya boleh menempatkan dua (2) orang nelayan sahaja yang terdiri daripada seorang nelayan yang mempunyai lesen usaha sendiri (tekong) dan seorang lagi mempunyai lesen pembantu (awak-awak).
- (b) Permohonan KPN ini tertakluk kepada semua nelayan termasuk tekong dan awak-awak. Proses permohonan KPN

akan melibatkan pemeriksaan kelengkapan dokumen, penyiasatan dan pengesahan sebelum kad dikeluarkan. Syarat-syarat untuk mendapatkan KPN bagi permohonan baharu atau gantian adalah seperti yang berikut:

- (i) Nelayan tulen di mana pemohon merupakan nelayan sejati yang aktif dalam kegiatan penangkapan ikan;
- (ii) Warganegara Malaysia;
- (iii) Memiliki vesel atau bekerja di atas vesel berlesen (kapal yang memiliki lesen sah);
- (iv) Menjadi nelayan aktif sekurang-kurangnya 120 hari dalam setahun;
- (iv) Tempoh sah KPN adalah tiga (3) tahun; dan
- (v) Punca pendapatan utama adalah daripada aktiviti penangkapan ikan.

Manakala dokumen yang diperlukan untuk permohonan baharu adalah seperti yang berikut:

- (i) Salinan kad pengenalan pemilik vesel;

- (ii) Dua keping gambar saiz kad pengenalan;
- (iii) Suratakuan sumpah oleh pemohon (jika kad pengenalan hilang atau rosak); dan
- (iii) Surat pengesahan bekerja di atas vesel oleh pemilik vesel.